

# Upah RM1,000 intip APMM

Kumpulan 'sapu air' bocor maklumat operasi, aset kepada sindiket penyeludupan, nelayan asing



Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor  
hafidzul@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Kerjanya sangat mudah iaitu memantau pergerakan keluar masuk bot ronda Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan salurkan maklumat kepada sindiket sebelum menerima upah lumayan antara RM500 hingga RM1,000 untuk setiap maklumat.

Itu hasil lumayan diperolehi oleh kumpulan 'pengintip upahan' atau 'sapu air' bagi membocorkan maklumat berkaitan operasi rutin APMM kepada sindiket penyeludupan warga asing dan pengusaha bot nelayan asing.

Kegiatan itu dikesan berlaku di beberapa kawasan antaranya Tok Bali, Kelantan; Kuala Kurau, Perak; Muar dan Batu Pahat, Johor dan Pelabuhan Klang, Selangor.

Menurut sumber, terdapat beberapa modus operandi dipraktikkan sindiket untuk memantau pergerakan penguat kuasa APMM.

"Kaedah mudah, mereka



'SAPU air' yang menyamar sebagai pemancing akan menyalurkan maklumat pergerakan penguat kuasa kepada sindiket.

(sindiket) akan tunggu di hadapan jeti dan mengira bilangan bot penguat kuasa APMM sebelum memaklumkan kepada kumpulan penyeludup.

"Selain itu, sindiket juga akan menyamar sebagai nelayan yang berada di kawasan sekitar jeti ataupun mereka menaiki bot di tengah lautan kononnya memancing. Selalunya mereka akan berada di laluan pergerakan bot APMM untuk memudahkan pemantauan dilakukan.

Mengulas lanjut, sumber itu berkata, kumpulan 'pengintip upahan' itu dianggotai antara 10 hingga 30 individu.

"Mereka bergerak dalam kumpulan, memudahkan proses pemantauan dilakukan.



*Sindiket juga akan menyamar sebagai nelayan yang berada di kawasan sekitar jeti ataupun mereka menaiki bot di tengah lautan kononnya memancing"*

Sumber

Setiap maklumat akan segera disalurkan kepada tauke bot atau sindiket yang mengupah mereka.

"Kerja mereka mudah sahaja, bot APMM bergerak untuk keluar atau masuk da-



'PENGINTIP upahan' menjadikan jeti persendirian sebagai lokasi untuk mereka memantau pergerakan penguat kuasa.

ri pangkalan mereka akan salurkan kepada sindiket," katanya.

Diminta memperincikan upah diperolehi kumpulan pengintip upahan itu, sumber itu berkata, RM500 hingga RM1,000 bagi setiap maklumat disalurkan.

"Satu hari berapa banyak maklumat pergerakan bot dan anggota penguat kuasa APMM disalurkan mereka kepada sindiket. Hasil me-

reka (sindiket) memang lumayan.

"Biasanya RM500 hanya upah untuk maklumat pergerakan APMM di jeti manakala di laut pula satu maklumat dibayar RM1,000," katanya.

Menurutnya, selain pengintip warga tempatan, nelayan Vietnam yang bekerja secara sah kepada tauke nelayan laut dalam turut menjadi 'duri dalam da-

ging' kepada APMM.

"Golongan itu dipercayai menjadi sumber maklumat kepada rakan senegara yang menceroob perairan negara untuk mencuri hasil laut negara.

"Sebaik kita cuba menjejaki lokasi pencerobohan nelayan asing itu, kelibat mereka langsung tidak kelihatan di lokasi maklumat diterima.

"Perkara ini sering berlaku di kawasan perairan pantai timur yang menjadi sasaran nelayan asing menceroob masuk ke perairan negara," dedahnya.

Berdasarkan maklumat itu, wartawan Harian Metro melakukan tinjauan di sekitar jeti APMM di Batu Pahat dan Pelabuhan Klang, baru-baru ini.

Pemerhatian mendapati, terdapat beberapa individu mencurigakan berada berhampiran pangkalan atau jeti APMM.

Ada di antara mereka dilihat merayau tanpa tujuan manakala ada yang berpura-pura memancing berhampiran kawasan jeti dalam tempoh lama.

## Ada strategi tersendiri tangani 'pengintip upahan'

**Kuala Lumpur:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) mempunyai strategi tersendiri bagi menangani isu 'pengintip upahan' atau 'geng sapu air' yang sering membocorkan rahsia operasi.

Ketua Pengarah APMM Datuk Zubil Md Som berkata, walaupun kumpulan itu sukar dikaitkan atau disabitkan melakukan jenayah, APMM mempunyai kaedah tersendiri untuk menangani isu ini.

"Memang diakui terdapat individu yang menyalurkan maklumat kepada sindiket penyeludupan manusia serta nelayan asing yang menceroob masuk perairan negara.

"Apa yang kita dapat kesan setakat ini adalah mereka ini membabitkan warga tempatan. Ada juga antaranya dipercayai nelayan tempatan," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, geng sapu air itu juga dikesan akan ber-

ada di kawasan yang akan dilalui kumpulan penyeludup atau nelayan asing.

"Kita dapati mereka ini berada di laluan yang akan dilalui kumpulan sindiket dan menyamar sebagai pemancing.

"Seperti contoh, ketika mereka ingin masuk ke perairan negara, beberapa ahli sapu air akan berada di laluan masing-masing untuk menyalurkan maklumat keberadaan pihak berkuasa," katanya.

Katanya, taktik lain yang digunakan mereka adalah dengan mengira aset milik APMM yang berada di pangkalan.

"Sebagai contoh di Batu Pahat, Johor, jeti awam terletak berhadapan dengan pangkalan APMM, mereka ini tahu berapa unit aset atau bilangan bot dimiliki APMM.

"Sekiranya bot atau aset tidak mencukupi di pangkalan APMM, mereka akan

*"Mereka ini berada di laluan yang akan dilalui kumpulan sindiket Zubil"*

segera melaporkannya kepada sindiket sebagai amaran," katanya.

